

Kerajaan perhebat

pembangunan

untuk basmi kemiskinan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

RANTAU PANJANG, Sabtu.— Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah mensifatkan kemiskinan sebagai penyakit yang boleh melemahkan jiwa rakyat dalam menghadapi sebarang ancaman musuh negara.

Katanya, rakyat yang sentiasa hidup dalam kemiskinan mudah terpengaruh dengan hasutan anasir anti-nasional dari dalam mahupun luar negeri.

Menyadari hakikat itu, tambah beliau, kerajaan sedang memperhebatkan projek pembangunan bagi membasmi kemiskinan rakyat negara ini, terutamanya di luar bandar.

Katanya, kerajaan tidak rela melihat rakyat miskin dihasut dan dijadikan alat oleh golongan tertentu yang cuma menguntungkan diri mereka sendiri.

"Golongan ini mahu melihat rakyat terus miskin kerana senang mereka memperbodoh-bodohkan dan seterusnya diperalatkan untuk per-

juangan sia-sia mereka," tambahnya.

Berucap di majlis meletak batu asas Sekolah Menengah Agama Al-Fauziah, dekat Banggul Kulim, Tengku Razaleigh memberi jaminan, pembangunan jasmani yang dilaksanakan itu seiring dengan pembangunan keagamaan menurut pemikiran dan kehendak rakyat.

Beliau yakin dengan pembangunan agama yang pesat dapat menyemaikan rasa keimanan di jiwa rakyat dan ini dapat menjadi benteng menangkis sebarang musuh negara.

Beliau mengingatkan rakyat Kelantan, mereka akan menghadapi "zaman gelap" sekiranya Kerajaan sekarang tidak dipilih semula dalam pilihanraya akan datang.

Katanya, rakyat dapat melihat sendiri betapa pesatnya pembangunan di Kelantan sejak tiga tahun Barisan Nasional memerintah jika dibandingkan dengan tempoh 18 tahun Kelantan di bawah

PAS.

Tambahnya, jika pemerintahan bertukar tangan mungkin akan terputus segala bantuan yang dicurahkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kelantan.

"Keadaan ini akan menjejaskan rentak pembangunan sekarang yang bertujuan memperbaiki taraf hidup rakyat," tambah beliau.

Menurut Tengku Razaleigh, pembangunan di Kelantan perlu diteruskan sehingga mencapai matlamatnya kerana 68 peratus rakyat Kelantan adalah golongan miskin.

"Kerajaan tidak mahu melihat rakyat Kelantan terus hidup dalam kemiskinan kerana tersalah pilih Kerajaan," ujarnya.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Menteri Besar, Datuk Haji Mohamad Yaakob; Timbalannya, Datuk Haji Hussein Ahmad dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Haji Wan Lokman bin Wan Ahmad.